



## UPSI perkasa pendidikan global, latih tenaga pengajar Uzbekistan

Ampang, 28 Mei - Seramai 22 pensyarah dan guru dari Uzbekistan menyertai program latihan profesional intensif anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang berlangsung selama dua minggu bermula 15 hingga 29 Mei di Hotel Grand Barakah, Ampang, Selangor. Duta Uzbekistan ke Malaysia, Dr. Karomidin Gadoev menghargai komitmen UPSI dalam menganjurkan program latihan yang berimpak tinggi kepada warga pendidik Uzbekistan. Menurut beliau, program itu memberi tumpuan kepada peningkatan kompetensi pedagogi menerusi pendekatan pengajaran inovatif, strategi penilaian berkesan serta penggunaan teknologi digital dalam bilik darjah, seiring keperluan pendidikan global masa kini.

"Saya yakin ilmu dan kemahiran yang diperoleh melalui program ini akan dapat diaplikasikan secara langsung di institusi masing-masing, khususnya dalam meningkatkan keberkesan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta pengurusan akademik yang lebih sistematis. Program ini turut mencerminkan semangat kerjasama erat antara Malaysia dan Uzbekistan dalam bidang pendidikan tinggi. Ia membuka ruang strategik untuk pertukaran pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik antara pendidik kedua-dua negara."


Beliau berkata demikian ketika hadir menyempurnakan majlis penutupan Program International Professional Development Training for Uzbekistan Teachers 2025 anjuran Pusat Antarabangsa, Mobiliti dan Pengembangan Pendidikan (IMAC) UPSI, baru-baru ini.

"Semoga hubungan dua hala ini dapat diperkuuh menerusi pengajuran program akademik bersama, penyelidikan kolaboratif serta pertukaran tenaga pengajar dan pelajar pada masa akan datang," ujar beliau. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, UPSI sentiasa komited menjadi peneraju dalam membina jaringan pendidikan global, khususnya dengan negara-negara Asia Tengah seperti Uzbekistan.

Program latihan profesional ini merupakan manifestasi kesungguhan UPSI dalam mendukung agenda pendidikan antarabangsa, di samping memperkuuh kapasiti pendidik dari luar negara menerusi pendekatan latihan berstruktur dan praktikal. Tambah beliau, UPSI akan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong pembangunan pendidikan serantau dan antarabangsa, bagi meneraju kebitaraan pendidikan di Malaysia dan peneraju kecemerlangan pendidikan global.

"Kerjasama ini juga adalah hasil daripada pertemuan dan perbincangan strategik yang berlangsung dalam Forum Pendidikan Tinggi Malaysia-Uzbekistan pada 4 Februari lalu, di mana UPSI diberi kepercayaan untuk meneraju inisiatif latihan kepakaran dalam bidang pendidikan," katanya. Sementara itu, dua orang wakil peserta, Dr. Sulaymanova Nilufar Jabbarovna dari Samarkand State Institute of Foreign Languages dan Dr. Abdullayeva Ulfatoy Turakhonovna dari Tashkent State Agrarian University turut menyatakan penghargaan atas peluang menyertai program berkenaan.

Menurut mereka, sepanjang tempoh latihan, peserta didedahkan kepada pendekatan semasa seperti pelaksanaan Pendidikan Berorientasikan Hasil (OBE), penggunaan teknologi digital dalam PdP serta kemahiran komunikasi yang relevan untuk konteks pengajaran global.



## PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Let's Breakfast Inisiatif Kebajikan Bantu Mahasiswa

**Tanjong Malim, 20 Mei** - Majlis Perwakilan Pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bersama Persatuan Pengurusan dan Ekonomi (PPFPE) dengan suka ciptanya menganjurkan program Let's Breakfast FPE yang berlangsung pada setiap hari Jumaat bermula 18 April hingga 26 Jun 2025 bertempat di Foyer Blok 10, FPE. Program berkonsepkan agihan 100 bungkus nasi lemak setiap minggu ini merupakan satu inisiatif kebajikan yang mampu memberikan manfaat kepada lebih 1000 mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Ekonomi.

Let's Breakfast FPE dirangka khusus untuk meringankan beban kewangan pelajar FPE serta mendidik mahasiswa mengenai kepentingan pengambilan sarapan pagi dalam menjalani kehidupan harian yang lebih sihat dan produktif. Program Let's Breakfast FPE 1.0 menyokong aspirasi global melalui Matlamat Pembangunan Mampu (SDG) seperti SDG 2 tiada kelaparan dengan menyediakan akses makanan kepada pelajar yang memerlukan seterusnya membantu

menangani isu kelaparan dalam kalangan komuniti kampus. Di samping itu, program ini turut menggalakkan amalan pemakanan seimbang SDG 3 Kehidupan Sihat dan Sejahtera sebagai langkah ke arah gaya hidup sihat dan sejahtera. Melalui inisiatif ini, SDG 4 iaitu Pendidikan Berkualiti berkaitan kesejahteraan fizikal dan mental pelajar dapat diperkasa, sekali gus menyokong pencapaian akademik dan meningkatkan kualiti pendidikan secara holistik.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Dr. Mohd Asri bin Mohd Noor, Dekan FPE, barisan Timbalan Dekan, pihak pengurusan fakulti, barisan kelab dan persatuan bernaung di bawah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, serta seluruh ahli jawatankuasa pelaksana atas dedikasi dan komitmen padu dalam menjayakan program ini. Sokongan berterusan daripada semua pihak amatlah dihargai dan menjadi asas kukuh kepada pelaksanaan program yang memberi manfaat besar kepada warga pelajar FPE.

## UPSI, MARDI Meterai MoU Perkasakan Penyelidikan dan Pendidikan Berasaskan Teknologi Pertanian

**Serdang, 22 Mei** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV) semalam memeterai Memorandum Pesefahaman (MoU) dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dalam usaha memperkuuh kerjasama strategik dalam bidang pendidikan dan penyelidikan serta pembangunan teknologi pertanian.

Majlis menandatangani MoU tersebut berlangsung di Taman Ekspos Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang sempena penganjuran program Show Tech 2025.

Upacara menandatangani MoU itu disaksikan oleh wakil-wakil kanan daripada kedua-dua institusi

serta tetamu jemputan termasuk, pegawai kerajaan, ahli akademik dan penggiat industri pertanian.

Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UPSI, Profesor Dr. Rosmilah Misnan yang mewakili menyatakan bahawa kerjasama ini merupakan satu langkah penting ke arah memperkuuh jaringan akademik dan industri yang dapat memberikan manfaat besar kepada pelajar dan penyelidik.

Melalui MoU ini, katanya, UPSI dan MARDI bersetuju untuk menjalinkan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang termasuk penyelidikan bersama, perkongsian kepakaran, pembangunan kurikulum serta pelaksanaan latihan industri dan mobiliti pelajar.



## UPSI Raih 2 Emas dan 1 Perak di ITEX 2025

**Kuala Lumpur, 30 Mei**

- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukir kejayaan dalam bidang inovasi apabila memenangi dua pingat emas dan satu pingat perak di Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2025 yang berlangsung di PWTC, Kuala Lumpur.

Antara inovasi yang meraih pingat emas ialah HiPOP (Hybrid Popup Card), projek interaktif yang menggabungkan kad pop-up tradisional dengan teknologi Metaverse, Realiti Terimbuh (AR) dan pengalaman 360°. Diketuai oleh Dr. Muhammad Bayu Tejo Sampurno bersama lima ahli Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP), HiPOP direka

untuk murid Tahun 1 selaras dengan kurikulum KSSR dan DSKP. Ia berdasarkan pendekatan STEAM serta mengintegrasikan elemen seni, muzik dan kraf dalam pembelajaran sains secara menyeronokkan dan berkesan.

Pingat emas kedua diraih menerusi ARO-A1: Digital PCR Assay Kit, sebuah kit inovatif bagi pengesanan spesies Ikan Arowana Emas Malaysia yang diketuai oleh Dr. Adibah Abu Bakar. Kit ini menggunakan teknologi digital PCR untuk pengesanan DNA yang tepat dan pantas, membantu pengawalan perdagangan haram dan menyokong pemeliharaan spesies terancam. Projek ini turut melibatkan

kerjasama antara UPSI, UNISEL, UMT dan FRI. Sementara itu, pingat perak dimenangi oleh E-LOUNIA 2.0, aplikasi digital gamifikasi konsep STEM menggunakan Model Pemahaman Konsep Numerasi (MPKN) untuk murid Sekolah Dalam Hospital. Diketuai oleh Prof Madya Dr. Siti Rahaimah Ali, aplikasi ini membantu guru menilai tahap pemahaman pelajar melalui pendekatan pembelajaran menyeronokkan dan mudah diakses.

Kejayaan ini membuktikan komitmen UPSI dalam memacu inovasi pendidikan selaras dengan Revolusi Industri 4.0 dan aspirasi pendidikan negara.



Geoenviro Perkasa Kelestarian Alam, anjur Pertandingan Masakan Rimba



Kunjungan Hormat Yayasan Sultan Azlan Shah ke UPSI



Naib Canselor mewakili Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) untuk sesi kunjungan hormat ke pejabat YB Menteri Pendidikan